

Headline	Harga keindahan alam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1697 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,620



TAHUN UTUSAN

mega

Bayaran perkhidmatan ekosistem

PENGUNJUNG ke khazanah alam semula jadi perlu dikenakan caj.

Harga keindahan alam

Headline	Harga keindahan alam		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	27 May 2013	Circulation	197,952
Section	Supplement	Readership	833,287
Page No	1to3	ArticleSize	1697 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 33,540
Journalist	N/A	PR Value	RM 100,620
Frequency	Daily		

Di negara maju, rakyat dikenakan bayaran yang tinggi jika mahu nikmati keindahan alam semulajadi

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD

SANGGUPKAH anda membayar sejumlah harga bagi menghirup udara segar atau menghayati keindahan sesebuah kawasan hutan rekreasi?

Jika di negara-negara maju, rakyatnya dikenakan bayaran yang tinggi semata-mata untuk menikmati keindahan hutan yang hanya 'sekangkang kera'.

Malah, ada sesetengah negara, hutan yang dimiliki bukanlah hutan semulajadi, sebaliknya ditanam semula bagi memastikan khazanah tersebut terus dapat dinikmati oleh rakyatnya. Tetapi perlu dibayar jika mahu menikmatinya.

Tidak percaya? Jika anda berpeluang melancong ke negara seperti Jepun mahupun Amerika Syarikat atau mana-mana negara moden, jangan terkejut dengan kadar bayaran yang tinggi dikenakan biarpun hanya untuk tujuan bersantai atau bersiar-siar dalam kawasan hutan.

Perkara tersebut merupakan amalan negara-negara maju bagi mendidik rakyatnya menghargai hutan kerana hutan yang mereka miliki semakin berkurangan akibat dihimpit pembangunan.

Di Malaysia, kita amat bertuah kerana dikurniakan hutan hujan tropika yang tidak ternilai harganya malah masih luas.

Namun, sejauh manakah kita sebagai rakyat negara ini menghargainya? Bagaimanakah cara terbaik untuk kita menunjukkan penghargaan terhadap hutan yang masih ada?

Menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod**, Malaysia amat komited dalam memelihara serta memulihara hutan.

Sebab itu katanya, pelbagai strategi dan polisi diperkenalkan untuk memulihara khazanah yang tidak ternilai tersebut.

"Salah satu strateginya adalah menggunakan kaedah ekonomi bagi memastikan penggunaan sumber semulajadi secara mampan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian seminar *Bayaran bagi Perkhidmatan Ekosistem (PES), Bagi Hutan Hujan Tropika* yang diadakan di ibu negara baru-baru ini.

Jelasnya, keadaan masa kini yang kian mencabar menjadikan program pemuliharaan hutan merupakan tanggungjawab yang amat berat bagi pihak kerajaan.

Ini kerana hasil hutan iaitu balak

merupakan sumber yang memberikan pulangan ekonomi kepada negara selama ini.

Persoalannya, adakah setimpal bayaran yang dikenakan berbanding perkhidmatan sebenar yang diberikan oleh sesebuah kawasan hutan kepada komuniti dan negara secara umumnya?

Info PES


- PES secara teorinya merupakan satu pendekatan insentif kewangan bagi melindungi serta memelihara ekosistem yang menyalurkan perkhidmatan yang bernilai secara tidak langsung kepada masyarakat.
- Salah satu cara bagi mengelakkan kawasan hutan yang bernilai tinggi daripada menjadi sasarannya kepada pembangunan serta sebagai sumber penjanaan ekonomi sesebuah negara semata-mata.
- Polisi serta program yang dilaksanakan di bawah PES adalah bagi memastikan sumber ekonomi sesebuah negara tidak terjejas terutamanya negara-negara yang mana pendapatannya masih bergantung kepada sumber alam semulajadi.
- PES perlu diperhalusi bagi memastikan polisi yang diperkenalkan mampu dilaksanakan tanpa perlu merugikan kedua-dua belah pihak iaitu, ekonomi sesebuah negara dan juga sumber alam semulajadi yang bernilai tinggi.

Keadaan masa kini yang kian mencabar menjadikan program konservasi hutan merupakan satu tanggungjawab yang amat berat bagi pihak kerajaan

Headline	Harga keindahan alam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1697 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,620



ABD. LATIF
MOHMOD



BERAPAKAH nilai yang anda sanggup bayar demi memastikan kelestarian alam sekitar terus kekal?

Headline	Harga keindahan alam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1697 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,620



SUMBER air bersih merupakan antara sumbangan besar ekologi kepada manusia.

Headline	Harga keindahan alam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1697 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,620

